

PM kecewa sikap AS terhadap Malaysia

UM 2 2 NOV 2002

PUTRAJAYA 21 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kecewa dengan sikap Amerika Syarikat (AS) yang terus mengeluarkan amaran bahawa Malaysia akan menjadi sasaran serangan bom seperti yang berlaku di Bali, Indonesia, pada bulan lalu.

Perdana Menteri berkata, walaupun Malaysia telah memberikan kerjasama sepenuhnya dalam membantu usaha AS memberantas keganasan tetapi ia seolah-olah tidak dihargai oleh negara kuasa besar dunia itu.

“Kita kecewa sebab kita telah memberikan banyak kerjasama kepada mereka tetapi inilah balasannya,” katanya kepada pemberita selepas majlis terbuka puasa Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Beliau mengulas amaran Jabatan Negara AS semalam bahawa serangan seperti yang berlaku di Bali yang menyebabkan lebih 180 orang mati, mungkin terjadi di negara Asia Tenggara lain termasuk Malaysia.

Jabatan itu bimbang Jemaah Islamiah (JI) akan menjadikan orang Barat di luar Indonesia sebagai sasaran mereka.

Ia juga mengulangi kebimbangan tentang kemungkinan serangan di Sabah oleh kumpulan Abu Sayyaf dan menasihatkan warga AS yang melawat pulau-pulau atau kawasan pantai di timur Sabah supaya lebih berhati-hati.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, amaran AS itu juga boleh dilihat sebagai usaha kuasa besar dunia itu untuk mensabotaj dan merosakkan ekonomi Malaysia.

“Kita tidak tahulah (sabotaj ekonomi) tetapi hakikatnya, itulah yang berlaku,” katanya.

Beliau seterusnya mencabar AS untuk bertaruh skiranya serangan bom yang dijangkakan oleh negara itu tidak berlaku di sini.

“Kalau tak ada apa, apa dia nak kata. Dia bagi rosak kita punya ekonomi dengan dakwaan yang tidak berasas,” katanya.

Perdana Menteri berkata, sebenarnya, tempat yang paling tidak selamat ialah di AS sendiri kerana hanya dengan satu orang membuat kekacauan, seluruh negara itu menjadi gempar.

“Mereka juga tidak bebas dari keganasan dan mereka tidak sepatutnya membuat andaian yang serupa terhadap negara lain,” tegasnya.

Maklumat

Dr. Mahathir menegaskan, jika AS mempunyai maklumat tentang serangan itu, negara itu sepatutnya memaklumkan kepada kerajaan Malaysia supaya tindakan dapat diambil dan bukannya membuat kenyataan umum yang boleh memberi kesan kepada negara lain.

“Sepanjang pengetahuan saya, mereka tidak ada berhubung dengan kerajaan kita dalam hal ini,” katanya.

Sementara itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, amaran oleh AS itu bukan perkara baru kerana ingatan seperti itu pernah dibuat oleh negara-negara Barat yang lain.

“Beberapa kerajaan Barat pernah mengeluarkan nasihat tentang perjalanan (ke Malaysia) sejak kejadian

serangan 11 September,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Malah, kata Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri, terdapat laporan bahawa mereka yang didakwa pengganas dan anggota Al-Qaeda telah ditangkap di serata dunia termasuk Hong Kong, Singapura dan Australia.

Beliau berkata, Malaysia telah mengambil langkah-langkah pencegahan dan menangkap mereka yang ada hubungan dengan kumpulan militan KMM dan JI.

“Tetapi seperti yang dijelaskan oleh Perdana Menteri, keadaan tidak selamat juga wujud di beberapa negara yang mengeluarkan nasihat mengenai perjalanan ke Asia Tenggara.

“Sebaliknya, Malaysia adalah sebuah negara yang selamat,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan Malaysia bertekad untuk terus mengambil langkah-langkah perlu untuk menentukan negara ini aman dan terjamin.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai pula berkata, pihaknya akan mendapatkan maklumat terperinci daripada kerajaan AS berhubung perkara itu.

Beliau berkata, setakat ini pihaknya masih belum memperoleh sebarang maklumat mengenai rancangan JI akan melancarkan serangan bom di Sabah seperti yang didakwa oleh AS.

“Justeru, kita akan meminta kerajaan negara itu segera menghubungi pihak berkuasa di sini agar tindakan segera dapat diambil,” katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas membuat lawatan kerja di Balai Polis Puchong di sini hari ini.